



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI TERHADAP
PERBELANJAAN PENYELIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN II –
POTONGAN KHAS**

KETETAPAN UMUM NO. 10/2021

TARIKH PENERBITAN : 29 DISEMBER 2021



**LAYANAN CUKAI TERHADAP
PERBELANJAAN PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN, BAHAGIAN II –
POTONGAN KHAS**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 10/2021
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2021**

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga

Edisi kedua pada 13.08.2020

Edisi pertama pada 30.12.2004 dan 3.4.2008 (Tambahan)

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LAYANAN CUKAI TERHADAP
PERBELANJAAN PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN, BAHAGIAN II –
POTONGAN KHAS

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 10/2021
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2021

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Kelayakan untuk Menuntut Insentif bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak	3
5. Potongan Dua Kali atau Potongan Satu Kali	3
6. Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak	7
7. Tuntutan Potongan Dua Kali di bawah Seksyen 34A ACP	15
8. Syarikat Perintis Menjalankan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan dan Membuat Pilihan di bawah Seksyen 34A (4A) ACP	17
9. Tuntutan Potongan Dua Kali di bawah Seksyen 34B ACP	21
10. Tuntutan Potongan Satu Kali di bawah Subseksyen 34(7) ACP	23
11. Elaun Bangunan Industri dan Elaun Modal	24
12. Denda kerana Memberi Maklumat yang Tidak Betul	24
13. Permohonan untuk Mendapatkan Kelulusan bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan di bawah Seksyen 34A ACP	24
14. Kemas kini dan Pindaan	26
15. Penafian	27

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini untuk menjelaskan perbelanjaan yang layak bagi mendapat potongan khas (insentif) yang berkenaan dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang layak.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7 and 8, subseksyen 33(1) and 34(7), seksyen 34A, 34B dan 140A dan Jadual 3.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Bukan pemastautin" bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia seperti yang ditentukan di bawah Seksyen 7 atau 8, ACP.
 - 3.2 "Institut penyelidikan yang diluluskan" ertinya suatu institut, termasuk syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 45 Akta Syarikat 2016, yang diluluskan oleh Menteri untuk terutamanya menjalankan penyelidikan dalam industri yang dinyatakan dalam kelulusan itu dan untuk mengkomersilkan manfaat penyelidikan itu.
 - 3.2 "Orang" termasuk syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
 - 3.3 "Pemastautin" bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan dibawah Seksyen 7 atau 8, ACP.
 - 3.4 "Penyelidikan dan pembangunan" bermaksud apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen (SIE) yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian tersebut untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil, atau proses, tetapi tidak termasuk –
 - (a) kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
 - (b) penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
-

- (c) pemungutan data rutin;
 - (d) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
 - (e) penyelidikan pasaran atau promosi jualan;
 - (f) pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran; atau
 - (g) pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.
- 3.5 “Perniagaan selepas perintis” ertinya perniagaan suatu syarikat perintis yang disifatkan di bawah seksyen 15 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP) sebagai telah ditubuhkan dan bermula pada sehari selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukai.
- 3.6 “R&D dalaman (in-house R&D)” bermaksud aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia oleh seseorang di dalam perniagaannya dengan tujuan untuk menggunakan hasil R&D tersebut bagi memajukan perniagaannya.
- 3.7 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.8 “Syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 APP.
- 3.9 “Syarikat penyelidikan dan pembangunan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 APP dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian yang berkaitan.
- 3.10 “Syarikat penyelidikan dan pembangunan kontrak” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 APP dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian yang berkaitan.
- 3.11 “Syarikat penyelidikan yang diluluskan” ertinya suatu syarikat, selain daripada syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 45 Akta Syarikat 2016, yang diluluskan oleh Menteri untuk terutamanya menjalankan penyelidikan dalam industri yang dinyatakan dalam kelulusan itu dan untuk mengkomersilkan manfaat penyelidikan itu.
- 3.12 “Syarikat perintis” bermaksud suatu syarikat yang diperakui oleh sijil perakuan perintis yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri (KPAI) dan mempunyai makna yang diberikan di bawah APP.

4. **Kelayakan untuk Menuntut Insentif bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak**

Seseorang yang bermastautin di Malaysia yang menjalankan aktiviti R&D berhubung dengan perniagaannya dan melakukan secara langsung ke atas perbelanjaan berjenis hasil R&D, boleh menuntut insentif ini.

Sekiranya aktiviti R&D memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya di bawah seksyen 2 ACP, maka insentif boleh dituntut sebagai –

- (a) peruntukan khas di bawah subseksyen 34(7) ACP (**potongan satu kali**); atau
- (b) potongan khas di bawah seksyen 34A ACP (**potongan dua kali**) yang perlu diluluskan oleh Kementerian; atau
- (c) potongan khas di bawah seksyen 34B ACP (**potongan dua kali**) yang perlu diluluskan oleh Kementerian.

Sila rujuk kepada KU No. 5/2020 bertajuk Layanan Cukai bagi Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I – Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak untuk penjelasan lanjut mengenai definisi R&D dan kriteria kelayakannya.

5. **Potongan Dua Kali atau Potongan Satu Kali**

Orang yang layak boleh menuntut insentif dalam bentuk potongan dua kali atau potongan satu kali terhadap perbelanjaan R&D yang layak yang dilakukan ke atas aktiviti R&D berkelayakan seperti berikut:

5.1 Potongan dua kali di bawah Seksyen 34A, ACP

- (a) Dalam menentukan pendapatan larasan seseorang daripada pendapatan kasar perniagaan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan dibenarkan dua kali amaun perbelanjaan (bukan merupakan perbelanjaan modal) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan. Perbelanjaan modal bermaksud perbelanjaan yang dilakukan ke atas -
 - (i) loji, jentera, lekapan, tanah, premis atau bangunan;

(ii) struktur atau kerja-kerja bersifat kekal atau atas perubahan, penambahan atau sambungan kepada struktur asal yang kekal; atau

(iii) pemerolehan mana-mana hak dalam atau ke atas apa-apa harta.

Dalam erti kata lain, seseorang yang menjalankan suatu aktiviti R&D yang diluluskan boleh menuntut potongan dua kali ke atas perbelanjaan berjenis hasil yang layak dilakukan untuk aktiviti tersebut tetapi tidak termasuk perbelanjaan modal seperti disebut di perenggan 5.1(a)(i), (ii) dan (iii) di atas.

(b) Insentif ini disediakan kepada orang yang menjalankan aktiviti R&D dalaman. Aktiviti R&D yang dijalankan dalam perniagaan orang itu bertujuan untuk menggunakan hasil R&D bagi memajukan perniagaan orang itu sendiri.

(c) Tuntutan potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP hanya boleh dibuat, selepas permohonan untuk kelulusan aktiviti R&D telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia (KPHDN). Mengikut seksyen 5, Akta Perwakilan Kuasa 1956, Menteri Kewangan telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 34A, ACP kepada KPHDN dan Timbalan KPHDN.

(d) Jika potongan dua kali berkenaan dengan aktiviti R&D berkelayakan yang diluluskan telah dituntut di bawah seksyen 34A ACP, tiada potongan berkenaan dengan perbelanjaan yang sama boleh dituntut di bawah subseksyen 33(1), subseksyen 34(7) atau seksyen 34B, ACP.

(e) Syarikat perintis tidak berhak menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP ke atas perbelanjaan berjenis hasil yang dilakukan untuk aktiviti R&D yang layak. Ia hanya boleh menuntut jumlah perbelanjaan hasil yang dilakukan secara langsung di bawah proviso kepada subseksyen 34A(4) ACP. Sila rujuk kepada perenggan 7.4(d) dan perenggan 8 dalam KU ini.

(f) Bagi tahun-tahun taksiran 2016, 2017 dan 2018, syarikat yang melaksanakan aktiviti R&D dalaman (in-house R&D) boleh menuntut potongan dua kali secara automatik yang tidak melebihi RM50,000 bagi setiap tahun taksiran, di bawah seksyen 34A ACP dengan memenuhi kriteria berikut -

(i) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia; dan

- (ii) mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta di bawah perenggan 2A Jadual 1, ACP.

Untuk maklumat lanjut mengenai potongan dua kali secara automatik bagi aktiviti R&D di bawah subseksyen 34A ACP, sila rujuk kepada Garis Panduan berkaitan Potongan Dua Kali secara Automatik bagi Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bertarikh 2.9.2016 yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my. Garis panduan ini hanya di dalam Bahasa Melayu sahaja.

5.2 Potongan dua kali di bawah Seksyen 34B, ACP

- (a) Dalam menentukan pendapatan larasan seseorang daripada perniagaan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan dibenarkan dua kali amaun perbelanjaan (bukan merupakan perbelanjaan modal) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan. Potongan dua kali itu boleh ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan dalam tempoh itu berkenaan dengan -
 - (i) sumbangan secara tunai kepada institut penyelidikan yang diluluskan;
 - (ii) bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; atau
 - (iii) bayaran untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak.

Dalam erti kata lain, selain daripada sumbangan secara tunai kepada institusi penyelidikan yang diluluskan, seseorang yang telah melakukan penyumberan luar aktiviti R&D yang diluluskan yang berkaitan dengan perniagaannya, kepada penyedia perkhidmatan R&D yang diluluskan boleh menuntut potongan dua kali terhadap pembayaran yang dibuat kepada penyedia perkhidmatan. Potongan dua kali ini adalah untuk perbelanjaan R&D yang layak sahaja.

- (b) Insentif ini disediakan kepada orang yang melakukan penyumberan luar bagi aktiviti R&D yang diluluskan berkaitan dengan perniagaan mereka kepada –
 - (i) institut penyelidikan atau syarikat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan;

- (ii) syarikat R&D kontrak [diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di bawah MITI] yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia hanya kepada syarikat selain daripada syarikat berkaitannya;
- (iii) syarikat R&D (yang diluluskan oleh MIDA) yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat berkaitannya atau kepada mana-mana syarikat lain. Perkiraan R&D di kalangan syarikat berkaitan yang didapati mempunyai isu pindahan harga akan tertakluk kepada seksyen 140A ACP. Untuk maklumat lanjut mengenai pindahan harga, sila rujuk kepada *Transfer Pricing Guidelines* bertarikh 20.7.2012 yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my. Garis panduan ini di dalam Bahasa Inggeris sahaja.
- (c) Sumbangan tunai atau bayaran untuk penggunaan perkhidmatan yang diberikan dalam bentuk modal adalah tidak dibenarkan potongan dua kali contohnya sumbangan kepada dana pembangunan, membeli loji dan jentera, bangunan atau kenderaan bagi tujuan penyelidikan.
- (d) Jika potongan dua kali berkenaan dengan aktiviti R&D yang diluluskan telah dituntut di bawah seksyen 34B ACP, tiada potongan berkenaan dengan perbelanjaan yang sama boleh dituntut di bawah subseksyen 33(1), subseksyen 34(7) atau seksyen 34A ACP.

5.3 Potongan satu kali di bawah subseksyen 34(7) ACP

- (a) Dalam menentukan pendapatan larasan seseorang daripada pendapatan kasar perniagaan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, potongan satu kali dibenarkan bagi amaun perbelanjaan (bukan merupakan perbelanjaan modal) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang layak. Perbelanjaan modal bermaksud perbelanjaan yang dilakukan ke atas –
 - (i) loji, jentera, lekapan, tanah, premis atau bangunan;
 - (ii) struktur atau kerja-kerja bersifat kekal atau atas pengubahan, penambahan atau sambungan kepada struktur asal yang kekal; atau
 - (iii) pemerolehan mana-mana hak dalam atau ke atas apa-apa harta.

Dalam erti kata lain, seseorang yang menjalankan aktiviti R&D dalaman (in-house R&D) dalam perniagaannya atau secara penyumberan luar

aktiviti R&D yang layak, boleh memilih untuk menuntut potongan satu kali terhadap perbelanjaan berjenis hasil yang dilakukan untuk aktiviti tersebut tetapi tidak termasuk perbelanjaan modal seperti disebut di perenggan 5.3(a)(i), (ii) dan (iii) di atas.

Dalam kes aktiviti R&D yang tidak layak untuk potongan dua kali di bawah seksyen 34A atau seksyen 34B ACP, seseorang boleh diberi pertimbangan di bawah subseksyen 34(7) ACP dengan syarat aktiviti R&D memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya. Bagi contoh dan situasi, sila rujuk kepada Contoh 3 dalam perenggan 6.3(e), perenggan 6.3(c) dan perenggan 9(b)(ii) dalam KU ini.

6. Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak

Untuk layak mendapat potongan dua kali di bawah seksyen 34A, perbelanjaan berjenis hasil hendaklah dilakukan untuk **aktiviti R&D** berkelayakan **yang diluluskan** dalam tempoh asas. Manakala, untuk potongan satu kali di bawah subseksyen 34(7) ACP, perbelanjaan berjenis hasil juga hendaklah dilakukan untuk aktiviti R&D berkelayakan dalam tempoh asas. Akaun bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi setiap aktiviti R&D hendaklah disimpan secara berasingan tanpa mengira sama ada aktiviti itu telah diluluskan atau tidak.

Berikut adalah perbelanjaan yang layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali:

6.1 Bahan mentah

- (a) Bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam satu aktiviti R&D tidak termasuk pembelian aset tetap yang digunakan dalam R&D tersebut. Bagi setiap aktiviti R&D, butiran setiap bahan mentah yang digunakan mestilah disimpan berserta dengan maklumat mengenai kepentingannya dengan projek tersebut. Butiran bahan mentah yang mesti disimpan adalah :
 - (i) nama dan penerangan;
 - (ii) amaun yang digunakan; dan
 - (iii) kos.

Sekiranya bahan mentah digunakan untuk R&D diambil daripada stok perniagaan, kos yang dikaitkan dengan bahan mentah tersebut hendaklah sesuatu yang boleh ditentukan secara berasingan dan mampu diukur dengan pasti.

Contoh 1

Sebuah syarikat perladangan kelapa sawit menjalankan aktiviti R&D yang diluluskan dan ingin menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP. 200 progeni kelapa sawit baharu telah ditanam di atas sebidang tanah yang mempunyai 1,000 pokok komersial. Dalam tahun ke 3 aktiviti R&D, 200 pokok komersial lama telah ditebang untuk memberi laluan kepada penanaman 200 progeni kelapa sawit baharu. Perbelanjaan telah dilakukan untuk penyelenggaraan berkala termasuk merumput dan penggunaan baja untuk mengekalkan 800 pokok kelapa sawit komersial dan 200 penanaman baharu. Bahan mentah dalam kes ini akan merangkumi bahan kimia yang digunakan untuk mengawal rumput dan baja.

Potongan yang dibenarkan bagi bahan mentah yang digunakan untuk aktiviti R&D yang boleh dibenarkan sebagai potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP adalah berkenaan dengan "200 progeni kelapa sawit baharu". Begitu juga, kos-kos lain yang perlu dipastikan seperti kos tenaga manusia yang berkaitan dengan 200 progeni kelapa sawit baharu. Oleh itu, jumlah kos hasil yang dilakukan dalam mengekalkan 1,000 tumbuhan itu perlu dibahagikan antara 800 pokok kelapa sawit komersial dan 200 pokok kelapa sawit R&D.

- (b) Kos acuan, dai dan alat-alat ringan yang mempunyai jangka hayatnya tidak melebihi satu tahun serta tidak boleh digunakan semula, layak mendapat potongan dua kali dengan syarat acuan, dai dan alat-alat ringan ini tidak layak mendapat tuntutan elaun modal. Dalam kes di mana acuan, dai dan alat-alat ringan ini digunakan semula untuk pengeluaran, iaitu selepas digunakan dalam aktiviti R&D dan prototaip telah dibangunkan, kos berhubung dengan aktiviti R&D hendaklah dibahagi dengan membandingkan tempoh penggunaannya untuk membangunkan unit-unit prototaip dengan tempoh penggunaannya untuk pengeluaran unit-unit barangan keluaran tersebut. **Kos bahan yang digunakan untuk pengeluaran atau digunakan bagi tujuan pentadbiran tidak layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali** masing-masing di bawah seksyen 34A atau subseksyen 34(7) ACP.

6.2 Tenaga manusia

- (a) Hanya perbelanjaan ke atas gaji asas seorang pekerja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti R&D (kakitangan penyelidikan) layak untuk mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali. Perbelanjaan seperti KWSP, SOCSO, bonus, perubatan dan manfaat berupa barangan tidak layak untuk mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali.

Sekiranya seseorang pekerja tidak terlibat dalam aktiviti R&D secara sepenuh masa, perbelanjaan yang dituntut hendaklah dibahagikan mengikut masa sebenar yang digunakan oleh pekerja itu bagi aktiviti R&D. Asas pembahagian hendaklah disokong dengan menyimpan helaian masa. Helaian masa bermaksud suatu rekod masa sebenar yang dibelanjakan untuk aktiviti R&D tertentu oleh seseorang pekerja yang tidak terlibat dalam aktiviti R&D secara sepenuh masa.

- (b) Gaji pekerja yang terlibat dalam aktiviti R&D yang menyertai kursus dan seminar yang mempunyai hubung kait secara langsung dengan aktiviti R&D itu, boleh dipertimbangkan untuk mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali.
- (c) Pekerja yang terlibat dalam aktiviti R&D adalah mereka yang memberi input teknikal, maklum balas, bimbingan atau arahan terhadap aktiviti R&D tersebut.

Contoh 2

60% daripada masa pekerja R&D dibelanjakan untuk menjalankan aktiviti R&D yang diluluskan. Gaji asas pekerja adalah RM100,000. Jumlah perbelanjaan R&D yang layak yang boleh dibenarkan sebagai potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP ialah RM120,000 [(60% X RM100,000) X 2].

6.3 Perkhidmatan teknikal

- (a) Bayaran perkhidmatan teknikal termasuk:
 - (i) Fi perundingan yang dibayar kepada sesebuah organisasi R&D atau seorang individu bagi mendapatkan maklumat / nasihat berkaitan dengan aktiviti R&D yang dijalankan.
 - (ii) Bayaran kepada organisasi tertentu kerana menggunakan peralatan ujian seperti yang terdapat di SIRIM, FRIM dan universiti.
 - (iii) Bayaran kepada sesebuah organisasi tertentu atau seorang individu bagi perkhidmatan analisis dan penilaian pemrosesan data.
- (b) Berkuatkuasa mulai 28.12.2018, potongan dua kali perbelanjaan untuk perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia, hanya dibenarkan sekiranya bayaran untuk perkhidmatan tersebut tidak melebihi 30% daripada jumlah perbelanjaan R&D yang dibenarkan.

- (c) Sekiranya bayaran untuk perkhidmatan teknikal yang **dijalankan di luar Malaysia melebihi 30%** daripada jumlah perbelanjaan R&D yang dibenarkan, bayaran tersebut **tidak layak mendapat potongan dua kali**. Walau bagaimanapun, bayaran ini boleh dipertimbangkan di bawah subseksyen 34(7) ACP dengan syarat bahawa aktiviti R&D itu memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya.
- (d) **Sekatan 30%** daripada jumlah perbelanjaan R&D yang dibenarkan bagi perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia **tidak terpakai kepada subseksyen 34(7) ACP**. Ini bermakna bahawa 100% daripada jumlah perbelanjaan bagi perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia dibenarkan sebagai potongan sekali di bawah subseksyen 34(7) ACP.
- (e) Jika baki perbelanjaan yang dibenarkan itu adalah perbelanjaan biasa yang dibenarkan seperti perkhidmatan teknikal yang dilakukan dalam negeri, pembelian bahan mentah, tenaga manusia dan pengangkutan, maka ianya layak untuk potongan dua kali dengan syarat aktiviti R&D memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya.

Contoh 3

Shah Aqua Sdn Bhd adalah sebuah syarikat R&D dan aktivitiya memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya. Perbelanjaan yang dilakukan dan dituntut oleh syarikat terhadap aktiviti R&D yang layak dan diluluskan adalah seperti berikut –

	Perbelanjaan R&D yang layak	RM
(i)	Bahan mentah	300,000
(ii)	Tenaga manusia	150,000
(iii)	Perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia	350,000
(iv)	Perkhidmatan teknikal yang dijalankan di dalam Malaysia	100,000
(v)	Kos pengangkutan	100,000
	Jumlah perbelanjaan yang dibenarkan	1,000,000

Bayaran untuk perkhidmatan teknikal di luar Malaysia = RM350,000

Perbelanjaan yang layak untuk perkhidmatan teknikal di luar negara :
RM1,000,000 x 30% = RM300,000

Bayaran untuk perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia (RM350,000) tidak layak untuk potongan dua kali kerana bayaran untuk perkhidmatan teknikal melebihi 30% daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan (RM300,000). Walau bagaimanapun, bayaran berjumlah RM350,000 itu layak untuk potongan satu kali di bawah subseksyen 34(7) ACP kerana syarikat telah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan.

Oleh kerana syarikat telah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan, baki perbelanjaan yang dibenarkan berjumlah RM650,000 (RM1,000,000 – RM350,000) layak untuk potongan dua kali.

- (f) Berkuatkuasa mulai 1.1.2021, sekiranya bayaran untuk perbelanjaan R&D yang **dijalankan di luar Malaysia (penyumberan luar) melebihi 30%** daripada jumlah perbelanjaan R&D yang dibenarkan, jumlah perbelanjaan yang dilakukan **tidak layak mendapat potongan dua kali**. Walau bagaimanapun, keseluruhan perbelanjaan ke atas R&D yang dilakukan dibenarkan potongan satu kali sahaja di bawah subseksyen 34A(4) ACP

Contoh 4

Mustaffa Technology Sdn Bhd adalah sebuah syarikat ICT dan aktivitiya memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya. Perbelanjaan yang dilakukan dan dituntut oleh syarikat terhadap aktiviti R&D yang layak dan diluluskan adalah seperti berikut –

	Perbelanjaan R&D yang layak	RM
(i)	Menghadiri seminar berkaitan aktiviti R&D (kos perjalanan ke Jepun)	300,000
(ii)	Tenaga manusia	550,000
(iii)	Perkhidmatan teknikal (penyumberan luar kepada syarikat R&D di Taiwan)	800,000
(iv)	Penyelenggaraan	200,000
(v)	Kos pengangkutan	150,000
	Jumlah perbelanjaan yang dibenarkan	2,000,000

Bayaran untuk perkhidmatan teknikal yang dijalankan di Taiwan (penyumberan luar) = RM800,000

Perbelanjaan yang layak untuk potongan dua kali telah dihadkan seperti di bawah:

$$\text{RM2,000,000} \times 30\% = \text{RM600,000}$$

Jumlah tuntutan R&D adalah tidak layak untuk potongan dua kali kerana bayaran untuk perkhidmatan teknikal melebihi 30% (RM600,000) daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan. Oleh kerana syarikat telah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan, jumlah perbelanjaan yang dibenarkan berjumlah RM2,000,000 layak untuk potongan satu kali di bawah subseksyen 34A(4) ACP.

- (g) Sekiranya bayaran dibuat kepada orang bukan pemastautin seperti di dalam kes melibatkan penyelidik asing / perunding asing, potongan dan bayaran bagi cukai pegangan, jika berkenaan, mestilah dibuat.
- (h) Maklumat hendaklah disimpan berkaitan dengan:
 - (i) perjanjian di antara pelanggan dengan syarikat penyedia perkhidmatan (jika ada);
 - (ii) nama dan alamat penyelidik/ pakar perunding/ organisasi yang memberi perkhidmatan tersebut;
 - (iii) penjelasan berkaitan sesuatu yang baharu atau risiko teknikal yang terlibat semasa penyelidik/ pakar perunding/ organisasi menjalankan aktiviti R&D (jika ada);
 - (iv) tujuan dan kaitan perkhidmatan teknikal itu dalam projek tersebut; dan
 - (v) amaun yang dibayar.

6.4 Kos perjalanan

- (a) Lawatan ke stesyen R&D

Kos perjalanan yang dilakukan oleh kakitangan R&D berkaitan dengan lawatan ke stesyen R&D bagi tujuan semata-mata untuk menjalankan aktiviti R&D, layak untuk potongan dua kali atau potongan satu kali. Perbelanjaan yang dibenarkan termasuk kos perjalanan dan elaun harian (termasuk kos makanan dan penginapan). Elaun harian dihadkan kepada RM400.00 sehari seorang atau kos sebenar yang dilakukan, yang mana lebih rendah.

(b) Menghadiri kursus / seminar

Kos perjalanan dalam negeri atau luar negara oleh kakitangan R&D yang menghadiri kursus/seminar berkaitan dengan aktiviti R&D, layak untuk potongan dua kali atau potongan satu kali. Kursus dan seminar yang dihadiri mestilah semata-mata bertujuan untuk memperolehi maklumat saintifik terkini dan kemajuan teknologi, yang mempunyai kaitan secara langsung dengan aktiviti R&D. Perbelanjaan yang dibenarkan termasuk kos perjalanan, elaun harian (termasuk kos makanan dan penginapan) dan fi kursus / seminar. Elaun harian dihadkan kepada RM400.00 sehari seorang atau kos sebenar yang dilakukan, yang mana lebih rendah. Perbelanjaan seperti kos perjalanan untuk melawat penjual, mesyuarat dengan pembekal/ pelanggan, menghadiri pameran/ pertunjukan, tinjauan pasaran dan perbelanjaan lain, yang tidak berkaitan dengan R&D tidak layak untuk potongan dua kali atau potongan satu kali.

6.5 Kos pengangkutan

- (a) Kos pengangkutan bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam aktiviti R&D layak untuk potongan dua kali atau potongan satu kali. Walau bagaimanapun, perbelanjaan seperti kos pengangkutan aset tetap, hasil produk, kos bayaran pos bagi tujuan pentadbiran atau lain-lain yang tidak berkaitan dengan aktiviti R&D adalah tidak layak untuk mendapat potongan dua kali.
- (b) Suatu aktiviti R&D boleh menggunakan bahan mentah yang sama jenisnya seperti yang digunakan dalam pengeluaran produk yang sedia ada. Jika bahan mentah tersebut dibeli secara pukal dan penghantarannya dibuat pada masa yang berlainan dengan kos pengangkutan yang berbeza, maka kos pengangkutan untuk suatu tempoh asas hendaklah dibahagikan mengikut jumlah kuantiti bahan mentah yang digunakan untuk R&D yang dibahagikan dengan jumlah kuantiti bahan mentah yang di beli dalam tempoh asas yang sama.

6.6 Kos penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan secara langsung dalam suatu aktiviti R&D layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang tidak berkaitan secara langsung dengan aktiviti R&D tidak layak diberi potongan dua kali atau potongan satu kali.

Beberapa contoh perbelanjaan yang tidak berkaitan secara langsung dengan R&D adalah kos penyelenggaraan kenderaan yang digunakan oleh kakitangan

R&D / pakar perunding, perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas loji dan jentera (termasuk kos pemasangan), kelengkapan, tanah, premis, bangunan, struktur atau kerja-kerja yang bersifat kekal termasuk berkaitan dengan pengubahan, penambahan atau sambungan kepada struktur asal. Oleh itu, perbelanjaan-perbelanjaan ini tidak layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali.

6.7 Sewa

- (a) Sewa kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan secara langsung dalam aktiviti R&D layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan R&D tidak dibenarkan potongan dua kali atau potongan satu kali. Beberapa contoh perbelanjaan ini yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan R&D adalah sewa premis bagi tujuan pentadbiran, sewa kenderaan (termasuk petrol, insurans dan cukai jalan) untuk kakitangan / pakar runding penyelidikan dan sewa jentera untuk pengeluaran.
- (b) Bangunan atau jentera mungkin digunakan juga untuk tujuan selain daripada aktiviti R&D. Dalam kes ini, pembahagian perbelanjaan hendaklah dibuat berasaskan kegunaan yang berkaitan dengan R&D. Asas pembahagian boleh menjadi ruang lantai yang digunakan untuk aktiviti R&D atau dengan mengambil kira tempoh penggunaan jentera untuk membangunkan unit prototaip berbanding dengan tempoh penggunaan untuk aktiviti bukan R&D.

6.8 Perbelanjaan-perbelanjaan lain

- (a) Tuntutan bagi potongan dua kali atau potongan satu kali boleh dibuat ke atas perbelanjaan hasil yang lain yang dilakukan secara langsung untuk R&D seperti air, elektrik, telefon, faks, kurier, alat tulis, salinan laporan R&D atau reka bentuk skema, dakwat / pewarna yang digunakan untuk mencetak laporan, baju makmal dan slaid atau fotograf.
- (b) Perbelanjaan lain seperti buku atau majalah, insurans dan semua cukai seperti cukai perkhidmatan atau cukai jalan tidak layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali.
- (c) Maklumat terperinci ke atas jenis-jenis perbelanjaan serta kaitannya dengan aktiviti R&D hendaklah disimpan. Dalam kes di mana tiada meter air dan elektrik dipasang secara berasingan bagi aktiviti R&D, pembahagian perbelanjaan mestilah dibuat berasaskan peratusan kegunaan untuk aktiviti R&D.

- (d) Perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas loji dan jentera, kelengkapan, tanah, premis, struktur atau kerja-kerja yang berbentuk kekal (termasuk pemasangannya) atau pengubahsuaian, tambahan atau sambungan kepada struktur asal atau perbelanjaan dalam pemerolehan hak ke dalam atau ke atas mana-mana harta (termasuk royalti) tidak layak mendapat potongan dua kali atau potongan satu kali.

7. Tuntutan Potongan Dua Kali di bawah Seksyen 34A ACP

7.1 Tuntutan hanya boleh dibuat selepas aktiviti R&D telah diluluskan

- (a) Seseorang yang memenuhi kriteria kelayakan menuntut insentif bagi aktiviti R&D dalaman (in-house R&D) yang dijalankan olehnya, boleh membuat tuntutan sedemikian apabila menerima kelulusan untuk aktiviti R&D yang layak daripada KPHDN. Sesuatu permohonan boleh dikemukakan kepada KPHDN dengan menggunakan Borang 1.
- (b) Untuk maklumat lanjut mengenai Borang 1, sila rujuk –
 - (i) Perenggan 13 dalam KU ini.
 - (ii) Garis panduan bertajuk Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak bertarikh 29.12.2021 yang boleh dimuat turun di bawah Garis Panduan Teknikal daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

7.2 Melengkapkan Borang 2 untuk tujuan audit

- (a) Dua salinan Borang 2 perlu dilengkapkan. Bagi tujuan audit, salinan asal borang (bersama-sama dengan dokumen sokongan) mestilah disimpan oleh orang yang menuntut potongan dua kali. Salinan kedua hendaklah dihantar ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM untuk tujuan rekod.
- (b) Potongan dua kali bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas aktiviti R & D yang layak boleh dituntut dalam borang penyata cukai pendapatan (BNCP) yang berkaitan bagi tahun taksiran yang berkenaan.
- (c) Tarikh akhir pengemukaan Borang 2 yang lengkap oleh syarikat bergantung kepada pengeluaran sijil kelulusan sama ada sebelum atau selepas tarikh akhir mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP).

- (d) Untuk maklumat lanjut mengenai Borang 2, sila rujuk kepada garis panduan bertajuk Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak bertarikh 29.12.2021 yang boleh dimuat turun di bawah Garis Panduan Teknikal daripada portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

7.3 Aktiviti R&D yang dijalankan bagi pihak syarikat-syarikat berkaitan

- (a) Jika **sebuah syarikat pegangan** menjalankan aktiviti R&D di pusat R&D nya bagi pihak syarikat subsidiari atau syarikat bersekutu, perbelanjaan yang dibenarkan yang berkaitan dengan aktiviti R&D itu akan diperuntukkan oleh pusat R&D/ syarikat pegangan kepada setiap syarikat. Syarikat subsidiari atau syarikat bersekutu boleh menuntut potongan dua kali berdasarkan peruntukan perbelanjaan yang dibuat oleh pusat R&D / syarikat pegangan itu.
- (b) Bayaran oleh syarikat pegangan bagi pihak subsidiari atau syarikat bersekutu ke atas penggunaan perkhidmatan yang dibayar kepada sebuah syarikat R&D adalah tidak dibenarkan sebagai potongan dua kali. Syarikat R&D pula tidak layak menuntut potongan dua kali bagi perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan bagi pihak syarikat subsidiari atau syarikat bersekutu.
- (c) Bagi tujuan KU ini, suatu syarikat pegangan merujuk kepada suatu syarikat yang semata-mata menjalankan aktiviti R&D dan memberikan perkhidmatan R&D kepada syarikat subsidiari atau syarikat sekutu.

7.4 Amaun yang dituntut dalam pengiraan cukai

- (a) Amaun potongan yang dituntut adalah dua kali amaun perbelanjaan yang layak yang bukan perbelanjaan berjenis modal yang dilakukan dalam tempoh asas.
- (b) Bagi memastikan hanya perbelanjaan R&D yang layak diberi potongan dua kali, tuntutan perbelanjaan R&D yang telah dicajkan ke dalam akaun Untung-Rugi akan dilaraskan dalam pengiraan cukai. Pelarasan dibuat dengan menambah balik dalam pengiraan cukai amaun perbelanjaan R&D yang dituntut dalam akaun Untung-Rugi, diikuti dengan potongan dua kali perbelanjaan R&D yang layak dalam pengiraan cukai.

- (c) Sekiranya perbelanjaan R&D yang dilakukan dipermodalkan dalam penyata kira-kira, satu potongan sebanyak dua kali jumlah perbelanjaan yang layak dibenarkan dalam pengiraan cukai.
- (d) Bagi syarikat perintis yang telah membuat pilihan di bawah subseksyen 34A(4A) ACP, jumlah potongan yang dibenarkan hanya jumlah perbelanjaan R&D yang layak yang dilakukan oleh syarikat semasa tempoh pelepasan cukai. Dalam erti kata lain, **sebuah syarikat perintis tidak layak menuntut potongan dua kali bagi perbelanjaan R&D yang layak.**

8. **Syarikat Perintis menjalankan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan dan membuat Pilihan di bawah Seksyen 34A(4A) ACP**

- 8.1 Menurut subseksyen 34A(4A) ACP, sebuah syarikat perintis pemastautin di Malaysia yang telah melakukan perbelanjaan R&D yang layak untuk suatu aktiviti R&D yang diluluskan dalam mana-mana tempoh asas dalam tempoh pelepasan cukai, boleh memilih supaya jumlah perbelanjaan tersebut diberi potongan dalam tempoh asas pertama bagi perniagaan selepas perintis untuk sesuatu tahun taksiran. Pilihan hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran yang berkaitan.
- 8.2 Dengan membuat pilihan ini, perbelanjaan R&D yang layak bagi setiap tahun taksiran berkaitan akan dikumpulkan dan di hantar hadapan (h/h) untuk diberi potongan dalam tempoh asas pertama bagi perniagaan selepas perintis dan bukannya potongan dua kali dalam setiap tahun taksiran yang berkaitan. Amaun potongan yang dibenarkan dalam tempoh selepas perintis adalah bersamaan dengan jumlah perbelanjaan R&D yang layak yang dilakukan untuk setiap tahun taksiran.
- 8.3 Prosedur permohonan untuk mendapatkan kelulusan aktiviti R&D seperti dinyatakan dalam garis panduan bertajuk Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak juga terpakai kepada syarikat perintis.

Contoh 5

Sokudu Electronics Sdn Bhd mula beroperasi pada 1.1.2013. Syarikat tutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah diluluskan dengan taraf perintis bagi aktiviti digalakkan dan hari pengeluaran ditetapkan pada 1. 7.2013 seperti dinyatakan dalam sijil perakuan perintis. Tempoh pelepasan cukai adalah dari 1. 7.2013 hingga 30.6.2018. Syarikat itu memulakan satu aktiviti R&D dan mengemukakan permohonan untuk kelulusan kepada KPHDN. Syarikat telah melakukan perbelanjaan yang layak ke atas aktiviti R&D yang

diluluskan dan memilih untuk potongan di bawah subseksyen 34A(4A) ACP. Butiran perbelanjaan adalah seperti berikut:

Tempoh	Perbelanjaan R&D yang dituntut RM	Perbelanjaan tidak layak selepas audit RM	Perbelanjaan R&D yang layak RM	Untung bersih seperti akaun Untung-Rugi RM
1.1.2013 – 30.6.2013	100,000	10,000	90,000	320,000
1.7.2013 – 31.12.2013	TIADA	TIADA	TIADA	400,000
1.1.2014 – 31.12.2014	300,000	TIADA	300,000	800,000
1.1.2015 – 31.12.2015	500,000	50,000	450,000	1,230,000
1.1.2016 – 31.12.2016	TIADA	TIADA	TIADA	1,800,000
1.1.2017 – 31.12.2017	1,000,000	150,000	850,000	2,300,000
1.1.2018 – 30.6.2018	TIADA	TIADA	TIADA	1,360,000
1.7.2018 – 31.12.2018	200,000	TIADA	200,000	1,500,000

Aktiviti R&D yang dijalankan bagi setiap tahun taksiran telah diluluskan oleh KPHDN. Amaun perbelanjaan R&D yang diluluskan dan dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar syarikat di bawah seksyen 34A dan subseksyen 34A(4A) ACP adalah seperti berikut:

Tempoh	Perbelanjaan R&D yang layak RM	Amaun yang dibenarkan potongan RM
1.1.2013 – 30.6.2013	90,000	180,000 ¹
1.7.2013 – 31.12.2013	TIADA	TIADA
1.1.2014 – 31.12.2014	300,000	300,000
1.1.2015 – 31.12.2015	450,000	450,000

1.1.2016 – 31.12.2016	TIADA	TIADA
1.1.2017 – 31.12.2017	850,000	850,000
1.1.2018 – 30.6.2018	TIADA	TIADA
1.7.2018 – 31.12.2018	200,000	400,000 ²

¹**Nota:** Syarikat layak menuntut insentif dalam bentuk potongan dua kali untuk perbelanjaan R&D yang layak yang dilakukan dalam tempoh pra-perintis di bawah seksyen 34A, ACP.

RM90,000 X 2 = RM180,000.

²**Nota:** Syarikat layak menuntut insentif dalam bentuk potongan dua kali untuk perbelanjaan R&D yang layak yang dilakukan dalam tempoh selepas perintis di bawah seksyen 34A, ACP.

RM200,000 X 2 = RM400,000.

Pra-perintis / Perintis / Tempoh selepas perintis	Tempoh	Perbelanjaan R&D yang layak RM	Potongan dua kali yang dibenarkan RM	Pilihan di bawah subseksyen 34(4A) ACP RM
Pra-perintis	1.1.2013 – 30.6.2013	90,000	180,000 ¹	
Perintis	1.7.2013 – 31.12.2013	TIADA	TIADA	1,600,000 ³ (di h/h ke tempoh asas pertama bagi tempoh selepas perintis)
Perintis	1.1.2014 – 31.12.2014	300,000	300,000	
Perintis	1.1.2015 – 31.12.2015	450,000	450,000	
Perintis	1.1.2016 – 31.12.2016	TIADA	TIADA	
Perintis	1.1.2017 – 31.12.2017	850,000	850,000	
Perintis	1.1.2018 – 30.6.2018	TIADA	TIADA	
Selepas perintis (tempoh asas pertama bagi tempoh selepas perintis)	1.7.2018 – 31.12.2018	200,000	400,000 ²	

³**Nota:** Untuk perbelanjaan R&D yang dilakukan dalam tempoh pelepasan cukai (1.7.2013 – 30.6.2018), syarikat boleh memilih untuk mengumpulkan perbelanjaan R&D yang layak berjumlah **RM1,600,000** dan di h/h ke tempoh asas pertama bagi perniagaan selepas perintis mengikut subseksyen 34A(4A), ACP. Amaun ini akan diberi potongan daripada pendapatan kasarnya untuk tempoh 1.7.2018 hingga 31.12.2018.

Contoh 6

Fakta yang sama dalam Contoh 5. Bagi tujuan contoh ini, diandaikan bahawa Sokudu Electronics menuntut perbelanjaan R&D dalam akaun Untung-Rugi untuk semua tahun taksiran berkaitan dan tiada perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan percukaian dituntut dalam akaun Untung-Rugi.

Pengiraan pendapatan larasan syarikat selepas potongan perbelanjaan R&D yang layak untuk tahun taksiran 2013 dan 2018 adalah seperti berikut:

Butiran	TT 2013		YA 2018	
	Pra-perintis	Perintis	Perintis	Selepas perintis
Untung bersih seperti akaun U/R	320,000	400,000	1,360,000	1,500,000
Tambah:				
Perbelanjaan R&D	100,000	TIADA	TIADA	200,000
	420,000	TIADA	TIADA	1,700,000
Tolak:				
Perbelanjaan R&D yang layak	180,000	TIADA	TIADA	1,700,000 ⁴
Pendapatan larasan	240,000	400,000	1,360,000	TIADA
Perbelanjaan R&D yang tidak diserap h / h	TIADA	TIADA	TIADA	300,000 ⁵

⁴**Nota:** Perbelanjaan R&D yang layak ditolak dalam tempoh asas pertama bagi tempoh pertama selepas perintis (terhad).

⁵**Nota:** Pengiraan perbelanjaan R&D yang tidak diserap adalah seperti di bawah:

Butiran	RM
Perbelanjaan R&D yang layak yang terkumpul semasa tempoh pelepasan cukai	1,600,000 ³
Tambah: Perbelanjaan R&D yang layak untuk tempoh selepas perintis	400,000 ²
Jumlah perbelanjaan R&D yang layak	2,000,000
Tolak: Perbelanjaan R&D yang layak ditolak dalam tempoh asas pertama bagi tempoh pertama selepas perintis (terhad).	1,700,000 ⁴
Perbelanjaan R&D yang tidak diserap h / h	300,000 ⁵

9. Tuntutan Potongan Dua Kali di bawah Seksyen 34B ACP

(a) Tuntutan hendaklah dibuat selepas memenuhi kriteria kelayakan

Mana-mana orang yang layak membayar untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D kontrak yang diluluskan atau syarikat R&D yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti R&D untuknya, boleh menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34B ACP dengan syarat bahawa aktiviti -

(i) memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya; dan

(ii) perbelanjaan hasil yang berkaitan dengan aktiviti R&D adalah perbelanjaan yang layak.

(b) Jika projek telah disumber luar kepada mana-mana penyedia perkhidmatan (diluluskan oleh Menteri berkaitan), adalah amat penting bagi syarikat untuk mengetahui dan menentukan bagaimana sesuatu produk/ proses dibangunkan. Syarikat dan penyedia perkhidmatan perlu mengenalpasti dan menentukan sebarang sesuatu yang baharu atau risiko teknikal yang terlibat dan kajian SIE bagi tujuan tuntutan (potongan dua kali) dan pengauditan ke atas projek oleh LHDNM (dokumen sokongan hendaklah disediakan kepada pelanggan).

(c) **Penyedia perkhidmatan adalah syarikat R&D yang diluluskan**

- (i) Jika mana-mana orang yang membayar untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D yang tidak berkaitan dengannya, untuk menjalankan aktiviti R&D yang layak, orang itu akan layak untuk potongan dua kali ke atas perbelanjaan hasil yang layak di bawah seksyen 34B ACP.
- (ii) Sekiranya suatu syarikat R&D telah diberi Elaun Cukai Pelaburan dan tempohnya belum berakhir serta menyediakan perkhidmatan R&D (aktiviti R&D yang layak) kepada syarikat berkaitan, syarikat berkaitan tidak akan layak untuk potongan dua kali di bawah seksyen 34B ACP. Walau bagaimanapun, syarikat berkaitan itu boleh menuntut potongan sekali ke atas perbelanjaan hasil yang layak di bawah subseksyen 34(7) ACP. Sila rujuk kepada perenggan 5.3(b) dalam KU ini.

(d) **Penyedia perkhidmatan adalah syarikat R&D kontrak yang diluluskan**

Sebuah syarikat R&D kontrak menyediakan perkhidmatannya hanya kepada syarikat yang tidak berkaitan. Mana-mana orang yang membayar untuk penggunaan perkhidmatan kontrak R&D syarikat, yang bukan merupakan syarikat berkaitan untuk menjalankan aktiviti R&D kelayakan akan layak untuk potongan dua kali ke atas perbelanjaan hasil yang layak di bawah seksyen 34B ACP.

(e) **Melengkapkan Borang 3 untuk tujuan audit**

Borang 3 tidak perlu dikemukakan kepada LHDNM. Borang 3 yang telah dilengkapkan berserta dokumen sokongan hendaklah disimpan oleh orang yang menuntut potongan dua kali dan dikemukakan semasa pemeriksaan audit oleh LHDNM.

Untuk maklumat lanjut mengenai Borang 3, sila rujuk kepada garis panduan yang bertajuk Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak bertarikh 29.12.2021 yang boleh dimuat turun di bawah Garis Panduan Teknikal daripada Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

10. Tuntutan Potongan Satu Kali di bawah Subseksyen 34(7) ACP

- (a) Tuntutan hendaklah dibuat selepas memenuhi kriteria

Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti R&D dalaman (in-house R&D) dalam perniagaannya atau secara penyumberan luar aktiviti R&D yang layak, boleh menuntut potongan satu kali di bawah seksyen 34(7) ACP dengan syarat bahawa aktiviti –

- (i) memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya; dan
 - (ii) perbelanjaan hasil yang berkaitan dengan aktiviti R&D adalah perbelanjaan yang layak.
- (b) Jika projek telah disumber luar kepada mana-mana penyedia perkhidmatan, adalah amat penting bagi syarikat untuk mengetahui dan menentukan bagaimana sesuatu produk/ proses dibangunkan. Syarikat dan penyedia perkhidmatan perlu mengenalpasti dan menentukan sebarang sesuatu yang baharu atau risiko teknikal yang terlibat dan kajian SIE bagi tujuan tuntutan potongan satu kali dan pengauditan ke atas projek oleh LHDNM (dokumen sokongan hendaklah disediakan kepada pelanggan).

- (c) Melengkapkan Borang 4 untuk tujuan audit

Dua salinan Borang 4 perlu dilengkapkan. Bagi tujuan audit, salinan asal borang bersama-sama dengan dokumen sokongan mestilah disimpan oleh orang yang menuntut potongan satu kali. Salinan kedua hendaklah dihantar ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM untuk tujuan rekod.

Pengemukakan Borang 4 yang lengkap dengan dokumen sokongan adalah dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir mengemukakan BNCP.

Untuk maklumat lanjut mengenai Borang 4, sila rujuk kepada garis panduan yang bertajuk Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak bertarikh 29.12.2021 yang boleh dimuat turun di bawah Garis Panduan Teknikal daripada Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

11. Elaun Bangunan Industri dan Elaun Modal

Bangunan yang digunakan untuk aktiviti R&D boleh dituntut sebagai elaun bangunan industri (EBI) jika ia merupakan perbelanjaan bangunan yang layak. Perbelanjaan bangunan yang layak bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembinaan atau pembelian sebuah bangunan yang digunakan untuk tujuan aktiviti R&D. Perbelanjaan modal untuk pengubahan atau pengubahsuaian premis yang disewa untuk menjalankan aktiviti R&D juga merupakan perbelanjaan bangunan yang layak.

Elaun modal boleh dituntut bagi perbelanjaan modal yang dilakukan atas penyediaan loji dan jentera yang digunakan untuk tujuan R&D yang diluluskan oleh Menteri mengikut pengertian seksyen 34A ACP.

Definisi baharu R&D di bawah seksyen 2 ACP terpakai bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas bangunan baharu yang dibina atau dibeli bermula dari 28.12.2018. Walau bagaimanapun, seseorang yang telah membuat tuntutan EBI sebelum definisi baharu R&D berkuat kuasa, orang itu masih boleh terus menuntut bakinya.

Untuk penjelasan lanjut mengenai EBI bagi bangunan yang digunakan untuk tujuan aktiviti R&D, sila rujuk di perenggan 4.3(b) dalam KU No.8/2016 yang bertajuk Bangunan Industri - Bahagian I dan di perenggan 8.2 dalam KU No.3/2018 bertajuk Perbelanjaan Yang Layak Dan Pengiraan Elaun Bangunan Industri.

12. Denda kerana Memberi Maklumat yang Tidak Betul

Pemohon dinasihatkan memberi maklumat yang betul seperti mana yang dikehendaki dalam borang permohonan. Sekiranya maklumat yang diberi itu tidak betul atau palsu, KPHDN mempunyai hak untuk menarik balik kelulusan yang telah diberikan. LHDN juga tidak akan teragak-agak untuk mengenakan denda seperti mana yang diperuntukan di bawah seksyen 113, 114 dan 114(1A) ACP.

13. Permohonan untuk Mendapatkan Kelulusan bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan di bawah Seksyen 34A ACP

13.1 Pemberian kelulusan

Kelulusan untuk aktiviti R&D hendaklah diberikan oleh Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, Menteri telah mewakilkan kuasa tersebut kepada KPHDN. KPHDN hanya akan memberi kelulusan terhadap sesuatu aktiviti

R&D. Kelulusan ini tidak termasuk kelulusan untuk perbelanjaan R&D yang dilakukan.

13.2 Borang permohonan

Permohonan oleh seseorang untuk mendapatkan kelulusan bagi suatu aktiviti R&D hendaklah dibuat bagi **setiap tahun taksiran**. Borang permohonan, Borang 1 hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang berkenaan kepada Jabatan Dasar Percukaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri.

13.3 Tarikh akhir pengemukakan Borang 1 yang lengkap adalah seperti berikut -

(a) Projek Baharu

- (i) Tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tempoh perakaunan tahun kewangan perniagaan berakhir, jika aktiviti R&D bermula dalam setengah tahun pertama tempoh perakaunan kewangan perniagaan; dan/atau
- (ii) Tidak lewat daripada satu (1) bulan selepas tempoh perakaunan kewangan perniagaan berakhir, jika aktiviti R&D bermula dalam setengah tahun kedua tempoh perakaunan kewangan perniagaan.

(b) Projek Lanjutan

Tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tempoh perakaunan kewangan perniagaan berakhir.

Pemohon dikehendaki mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan dan mengemukakan maklumat dengan betul seperti mana yang dikehendaki di dalam borang tersebut. Permohonan yang lewat akan dipertimbangkan mengikut asas setiap kes. KPHDN akan mengeluarkan surat kelulusan atau penolakan, mengikut mana yang berkaitan, kepada pemohon. Kelulusan yang diberi adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan dalam surat tersebut.

13.4 Projek R&D Tambahan (Baharu)

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi mana-mana projek R&D tambahan (baharu) hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan laporan cadangan. Dalam kes jika permohonan telah dikemukakan dan satu

projek R&D tambahan (baharu) bermula selepas itu, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan untuk projek R&D tersebut dengan menggunakan borang permohonan, Borang 1 dalam tempoh sebulan (1) selepas tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan pemohon. Jika cadangan projek R&D yang dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan itu dibuat lewat atau tidak dilaksanakan, pemohon dikehendaki memaklumkan perkara ini kepada LHDNM.

13.5 Aktiviti R&D yang berbilang

Maklumat terperinci hendaklah diberikan bagi setiap aktiviti R&D. Dalam kes di mana beberapa aktiviti R&D dijalankan serentak di bawah satu projek R&D yang khusus, projek dan objektif keseluruhannya perlu dinyatakan.

13.6 Aktiviti R&D untuk syarikat-syarikat berkaitan

Sebuah syarikat pegangan yang menjalankan aktiviti R&D di pusat R&Dnya bagi pihak syarikat-syarikat dalam kumpulannya boleh mengemukakan satu permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi aktiviti R&D bagi pihak syarikat subsidiarinya atau syarikat sekutunya. Walau bagaimanapun, butiran terperinci bagi setiap syarikat subsidiari atau syarikat sekutunya perlu dinyatakan dengan jelas dan secara berasingan. Sila rujuk kepada perenggan 7.3 dalam KU ini untuk penerangan berkaitan “Aktiviti R&D yang dijalankan bagi pihak syarikat-syarikat berkaitan”.

14. Kemas kini dan Pindaan

KU No.	Tajuk
5/2004	Insentif Potongan Dua Kali Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan
5/2004	Tambahan kepada KU No. 5/2004: Insentif Potongan Dua Kali Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan
6/2020	Layanan Cukai terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II – Potongan Khas.

KU di atas telah dipinda, ditulis semula dan dikemas kini oleh KU ini yang menggantikan KU No. 6/2020 bertarih 13.08.2020 dan perlu dibaca bersama-sama dengan KU No. 5/2020 yang bertajuk Layanan Cukai terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I – Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak.

<p>KU ini menggantikan KU 6/2020 bertarikh 13 Ogos 2020</p>	Pindaan	
	Kandungan dalam KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Penjelasan
	5	Sub perenggan baharu 5.2 (c) dimasukkan
	6	<ul style="list-style-type: none"> i. Perenggan pertama dipinda ii. Sub perenggan baharu 6.3 (f) dimasukkan iii. Sub perenggan terdahulu 6.3 (f) dan (g) dinomborkan semula sebagai 6.3 (g) dan 6.3 (h) iv. Contoh baharu 4 dimasukkan v. Sub perenggan baharu 6.3 (h) (i) dan (iii) dimasukkan vi. Sub perenggan terdahulu 6.3 (h) (i), (ii) dan (iii) dinomborkan semula 6.3 (ii), (iv) dan (iv)
	7	i. Sub perenggan 7.3(a) dan 7.3(b) dipinda
	8	i. Sub perenggan 8.1 dipinda
	9	<ul style="list-style-type: none"> i. Sub perenggan baharu 9 (b) dimasukkan ii. Sub perenggan terdahulu 9 (b), (c) dan (d) dinomborkan semula sebagai 9 (c), 9 (d) dan 9 (e)
	10	<ul style="list-style-type: none"> i. Sub perenggan baharu 10 (b) dimasukkan ii. Sub perenggan terdahulu 10 (b) dan dinomborkan semula sebagai 10 (c)

15. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Dalam Negeri Malaysia**